

Kos keluaran sektor elektronik diramal turun 20 peratus

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Penu-
runan tarif elektrik diramalkan dapat
mengurangkan kos pengeluaran per-
kilangan dan perkhidmatan dalam
sektor elektronik hingga 20 peratus
hingga 20 peratus ini.

Presiden Persatuan Pengilang dan
Industri Perindustrian Bumiputera
Malaysia (PPIPBM), Datuk Raja
Nong Chik Raja Zainal Abidin ber-
kata, ramalan itu berdasarkan kepada

sektor-sektor yang banyak menggu-
nakan bekalan elektrik.

Secara tidak langsung, katanya,
langkah kerajaan itu dapat meya-
kinkan para pelabur asing untuk te-
rus beroperasi di negara ini.

Menurutnya, ini sekali gus meng-
elakkan pembuangan pekerja ekoran
kemelesetan ekonomi pada masa
ini.

"Namun, adakah ia dapat mengu-

rangkan kos pengeluaran sepenuh-
nya? Ini kerana terdapat banyak fak-
tor lain seperti permintaan terhadap
barangan tersebut," katanya ketika
dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Raja Nong Chik berkata, penu-
runan tarif itu bagaimanapun tidak
dapat menampas tempias kemele-
setan ekonomi global secara total.

Jelasnya, dalam sesetengah industri
tertentu, kos bekalan elektrik hanya

melibatkan lima hingga 10 peratus
daripada jumlah kos pengeluaran.

"Oleh itu, kami masih menung-
gu pakej rangsangan ekonomi ke-
dua kerajaan dan yakin ia mampu
membantu pelbagai sektor," kata-
nya.

Sementara itu, Setiausaha Agung
Gabungan Persatuan Pengguna-
Pengguna Malaysia (FOMCA), Mu-
hammad Shaani Abdullah berkata,

penurunan tarif elektrik memberi
sedikit "kelegaan" kepada sektor in-
dustri yang dihidang dengan beban
ekonomi.

"Dengan tarif lebih rendah, me-
reka (sektor industri) boleh terus be-
roperasi pada kos yang lebih rendah.
Ini bermakna mereka tidak perlu
menutup operasi, membuang peker-
ja, memotong gaji dan sebagainya,"
ujarnya.



RAJA NONG CHIK